

3755/2
Perdagangan
Kertas 2
Sept/Okt 2011
2 jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG
MODUL PENILAIAN SPM 2011

PERDAGANGAN

Kertas 2

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **tiga** soalan daripada **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas tulis yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas ini mengandungi 10 halaman bercetak





[Lihat halaman Sebelah]

BAHAGIAN A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan dua kumpulan barang pengguna.

Barang X	Barang Y
	
	

Gambar 1

- (i) Apakah jenis barang X dan barang Y? [2 markah]
- (ii) Terangkan tiga perbezaan antara barang X dengan barang Y. [6 markah]
- (b) Industri moden selalunya mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran. Terangkan kelebihan mengamalkan pengkhususan. [5 markah]

(c) Gambar 2 menunjukkan profil dua orang individu

	
<p style="text-align: center;">Encik Ahmad</p> <p>Mengusahakan pengeluaran komputer dan kini mempunyai lima buah kilang besar di Pulau Pinang dan Selangor</p>	<p style="text-align: center;">Encik Baharudin</p> <p>Membuka sebuah gerai burger di Medan Selera Tanjong, Perak.</p>

Gambar 2

Terangkan perbezaan antara Encik Ahmad dengan Encik Baharudin.

[6 markah]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pengeluaran yang diusahakan oleh dua keluarga.

Keluarga Adjeng	Keluarga Khor
<p>Encik Adjeng dan keluarganya tinggal di sebuah rumah di kawasan pendalaman Sarawak. Beliau dan ahli keluarga bercucuk tanam di atas bukit dan menangkap ikan di sungai untuk memenuhi keperluan keluarga.</p>	<p>Encik Khor mempunyai sebidang tanah seluas 15 hektar di Cameron Highlands. Beliau mengusahakan tanah tersebut dengan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran. Hasil tanamannya dijual kepada pemborong sayur. Pendapatan daripada hasil jualan tersebut digunakan untuk membeli barang-barang keperluan.</p>

(i) Nyatakan jenis pengeluaran yang diamalkan oleh keluarga Adjeng dan keluarga Khor.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** perbezaan bagi jenis pengeluaran yang diamalkan oleh kedua – dua keluarga tersebut.

[4 markah]

[Lihat halaman Sebelah]

- 2 (a) Terangkan perkaitan antara pengeluaran, perdagangan dan perniagaan.

[7 markah]

- (b) Berikut adalah sejenis dokumen perniagaan.

INVOIS				
Perniagaan Sejati Sdn. Bhd. 35 Jalan Mutiara, 14120 Simpang Ampat Pulau Pinang				
				Tarikh : 6 April 2011
Kedai Perabot Juara 48 Jalan Simpang 72000 Shah Alam				
No. Rujukan	Butiran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah
A 365	Almari	3	800.00	2 400.00
J512	Katil	3	1,200.00	3 000.00
Jumlah Kasar				5 400.00
<i>Tolak: Diskaun Niaga (20%)</i>				1 080 .00
Harga Bersih				4 320.00
Syarat: Angkutan dibayar 5% 15 hari 2% 30 hari				
K&K di K			Tandatangan Megat Pengurus	

- (i) Nyatakan pihak yang mengeluarkan dokumen di atas. [1 markah]

- (ii) Jelaskan dua fungsi dokumen tersebut. [2 markah]

- (iii) Apakah kesan syarat angkutan dibayar dalam dokumen di atas kepada Kedai Perabot Juara? [2 markah]

- (iv) Bezakan antara diskaun niaga dengan diskaun tunai. [4 markah]

[Lihat halaman Sebelah]

(c) Gambar 3 di bawah menunjukkan satu iklan motorsikal.



Harga	: RM 50 000
Deposit	: RM 5 000
Kadar Faedah	: 5% setahun

Gambar 3

Encik Jiman telah membeli sebuah motorsikal seperti dalam gambar di atas dengan membayar ansuran bulanan selama 8 tahun. Hitungkan jumlah bayaran bulanan yang perlu dibayar oleh beliau. [5 markah]

(d) Gambar 4 di bawah menunjukkan dua contoh peruncit besar - besaran.



Gambar 4

Nyatakan kelebihan jenis perniagaan runcit tersebut.

[4 markah]

3. (a) Jelaskan tiga kepentingan perniagaan antarabangsa kepada:

(i) Pengguna

(ii) Negara

[6 markah]

(b) Nyatakan perbezaan antara perniagaan dalam negeri dengan perniagaan antarabangsa.

[6 markah]

(c) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Mak Puteh.

Mak Puteh ialah seorang penduduk di Balik Pulau, Pulau Pinang. Beliau merupakan seorang pengeluar dan pembekal makanan ringan tempatan seperti kerepek dan keropok.

Mak Puteh mendapat bekalan bahan mentah dari ladangnya sendiri. Keperluan yang lain diperolehinya dari sebuah kedai runcit di kampungnya. Mak Puteh dan kebanyakan petani di kampungnya menjadi ahli kedai runcit tersebut. Kedai runcit itu membekalkan keperluan para petani pada harga yang berpatutan.

Pada hujung tahun, Mak Puteh dan ahli-ahli kedai runcit tersebut mendapat rebat atas belian mereka.

(i) Apakah industri yang diceburi oleh Mak Puteh?

[1 markah]

(ii) Terangkan tiga sumbangan Mak Puteh kepada penduduk setempat.

[6 markah]


(iii) Apakah jenis pemilikan kedai runcit yang menjadi pembekal kepada perniagaan Mak Puteh.

[1 markah]

(iv) Apakah kelebihan perniagaan yang dinyatakan di C (iii) di atas?

[5 markah]

- 4 (a) Berikut adalah satu iklan kereta.



Gambar 5

- (i) Jika Encik Abu Kassim ingin memiliki kereta seperti yang diiklankan tersebut, institusi kewangan yang manakah boleh membiayai pembelian tersebut? Jelaskan. [2 markah]
- (ii) Apakah jenis insurans yang perlu diambil oleh Encik Abu Kassim untuk pembelannya di atas untuk melindungi dirinya daripada sebarang kerugian yang berlaku ke atas kereta barunya? [2 markah]
- (b) Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan prinsip insurans yang sesuai terlibat :

i.	Encik Zamzuri menginsuranskan premisnya daripada kebakaran. Premisnya digunakan untuk menyimpan tong gas memasak. Perkara ini disembunyikan daripada pengetahuan pihak insurans.
ii	Rajes memohon untuk menginsuranskan rumahnya dan kedai abangnya. Permohonan menginsuranskan rumahnya diluluskan tetapi permohonan untuk menginsuranskan kedai abangnya tidak diluluskan.
iii.	Kereta Chin Tong musnah akibat kemalangan. Pihak insurans telah membayar pampasan sebanyak RM10 000 kepadanya. Kereta Chin Tong telah dijual sebagai besi buruk sebanyak RM8 500 tetapi Chin Tong tidak berhak menerima wang jualan besi buruk tersebut.
iv.	Seorang peniaga menginsuranskan stok barangnya daripada kebakaran dengan membeli tiga polisi insurans bernilai RM15 000 daripada tiga insurer. Jumlah gantirugi yang diterimanya adalah sebanyak RM15 000, iaitu setiap insurer harga membayar pampasan RM5,000 sahaja.

[Lihat halaman Sebelah]

[8 markah]

- (c) Maklumat berikut berkenaan sebuah syarikat yang mengeluarkan “sports rims” kereta di Kuala Lumpur.



Syarikat Teras Sinar Sdn. Bhd.
Objektif Tahun 2011

- Meluaskan pasaran ke peringkat antarabangsa
- Memenuhi citarasa pengguna
- Menikmati ekonomi bidangan

Gambar 6

- (i) Bagaimanakah pengangkutan dapat membantu syarikat tersebut mencapai objektifnya? [6 markah]
- (ii) Pihak pengurusan syarikat memilih untuk mengeksport “sports rim” dengan menggunakan pengangkutan laut. Mengapakah pihak syarikat memilih jenis pengangkutan tersebut. [7 markah]

5. Berikut adalah dialog antara Encik Ali dan Encik David.



- (a) Berdasarkan dialog di atas, nyatakan jenis gudang yang sesuai untuk membantu Encik Ali dan Encik David menyelesaikan masalah mereka. Jelaskan ciri-ciri gudang tersebut. [6 markah]

Encik Lim ialah seorang peniaga runcit. Dia baru membuka sebuah kedai runcit di Taman Sri Indah, Ipoh. Dia ingin mengiklan untuk memperkenalkan perniagaannya.

- (b) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Encik Lim sebelum mengiklan perniagaannya. [8 markah]
- (c) Maklumat berikut berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh sebuah agensi kerajaan.

Kemudahan infrastruktur dan ruang niaga amat diperlukan dalam perniagaan

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan dan jelaskan tiga agensi kerajaan yang terlibat dalam menyediakan kemudahan tersebut. [6 markah]

- (d) Jelaskan fungsi persatuan pengguna? [5 markah]

Bahagian B

[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Encik Sulaiman ialah seorang pegawai eksekutif pemasaran di sebuah syarikat penerbitan yang terkemuka di Selangor. Setelah bekerja selama 11 tahun, beliau telah membuat keputusan untuk memulakan perniagaan kedai bukunya sendiri. Dengan berbekalkan minat dan pengalaman serta wang simpanannya sendiri sebagai modal, beliau memulakan perniagaannya dengan mengupah tiga orang pekerja.

Pengurusan harian kedai buku beliau melibatkan banyak wang tunai. Beliau berasa risau dengan keadaan ini dan membuka akaun di Bank Saujana Bakti Berhad. Dengan itu, beliau mulai membuat banyak urusan pembayaran melalui bank, termasuk membayar gaji pekerjanya. Kemudahan akaun semasa pula membolehkan beliau membayar pembekalnya dengan cek.

Baru-baru ini, seorang pelanggan merungut kerana mengalami kecederaan semasa menuruni tangga di kedainya. Akibatnya Encik Sulaiman terpaksa membayar kesemua kos perubatan pelanggan tersebut. Kejadian ini telah menyedarkan Encik Sulaiman bahawa beliau perlu melakukan sesuatu agar tidak mengalami kerugian yang sama sekiranya kejadian yang sebegini berulang lagi.

Selepas lima tahun beroperasi, kini Encik Sulaiman boleh berbangga kerana mempunyai tiga cawangan kedai buku di Pulau Pinang. Beliau berminat untuk melabur sebahagian daripada keuntungan yang diperolehinya tetapi beliau tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam bidang pelaburan. Dengan ini, beliau menghadiri seminar mengenai peluang-peluang pelaburan seperti syer unit amanah. Ada remisera yang mengesyorkan agar beliau melabur dalam saham, tetapi Encik Sulaiman menolaknya.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- a (i) Apakah cara yang digunakan oleh Encik Sulaiman untuk memulakan perniagaan kedai buku di Pulau Pinang? [1 markah]
(ii) Berikan alasan anda untuk dalam jawapan a(i) [3 markah]
- b (i) Jelaskan kelebihan yang diperoleh apabila Encik Sulaiman menggunakan cek sebagai cara pembayaran. [6 markah]
(ii) Mengapakah sesetengah cek daripada penghutang Encik Sulaiman tidak diterima oleh bank? [6 markah]
- c Apakah jenis perlindungan yang boleh diambil oleh Encik Sulaiman untuk melindungi dirinya daripada tuntutan orang awam? [3 markah]
- d (i) Mengapakah Encik Sulaiman lebih berminat membuat pelaburan dengan membeli unit amanah? [4 markah]
(ii) Cadangkan dua jenis unit amanah yang dapat dibeli oleh beliau [2 markah]

